

# 128,841 jawatan kosong

**B**ATU PAHAT: Seramai 130,948 siswazah menganggur dan 169,811 belia yang tidak memiliki ijazah mendaftar di portal [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) bagi merebut 128,841 jawatan yang ditawarkan dalam pelbagai sektor.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Datuk Maznah Mazlan, berkata untuk siswazah menganggur saja, sebanyak 14,311 jawatan yang bersesuaian dengan ke-  
layakan mereka ditawarkan.

Menurutnya, bagi yang tidak memiliki ijazah pula, sebanyak 114,530 peluang pekerjaan ditawarkan sehingga semalam.

“Kementerian menyediakan pelbagai kemudahan bagi membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan sesuai dan portal ini antara pendekatan terbaik yang dilaksanakan selain program penempatan pekerjaan (3P) yang kita laksanakan di setiap daerah seluruh negara.

“Portal ini sentiasa dike-

mas kini untuk memastikan pencari kerja mendapat maklumat tepat mengenai peluang pekerjaan yang ditawarkan dan saya harap pencari kerja memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang disediakan kementerian ini untuk mengatasi masalah pengangguran,” katanya.

Katanya, kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2009 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, semalam.